

Manifesto Parti Politik Pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 di Malaysia: Satu Analisis Perbandingan

*Manifesto Of Political Parties In The 14th General Election (GE) In Malaysia: A
Comparative Analysis*

Siti Noranizahhafizah Boyman^{1*} & Jayum A. Jawan²

¹Faculty of Human Sciences
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
35900 Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA

²Faculty of Human Ecology
Universiti Putra Malaysia (UPM)
43400 Serdang Selangor, MALAYSIA

*Email: noranizah@fsk.upsi.edu.my

Published: 23 December 2022

To cite this article (APA): Boyman, S. N., & Jawan, J. (2022). Manifesto of Political Parties In The 14th General Election (GE) In Malaysia: A Comparative Analysis: Manifesto Parti Politik Pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 di Malaysia: Satu Analisis Perbandingan. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 14(2), 44–58. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol14.2.4.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol14.2.4.2022>

Abstrak

Artikel ini membincangkan manifesto pilihan raya di Malaysia yang dibentangkan oleh gabungan parti utama yang bertanding dalam Pilihan Raya Umum (PRU) pada tahun 2018 iaitu parti Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan (PH) dan Gagasan Sejahtera. Kajian ini penting bagi membanding bezakan ketiga-tiga manifesto gabungan parti tersebut dan menganalisis kelebihan dan kekurangan manifesto yang ditawarkan supaya dapat ditambah baik pada masa akan datang. Bagi mencapai objektif ini, analisis kandungan digunakan bagi meneliti ketiga-tiga manifesto yang ditawarkan. Hasil kajian ini menemukan lima dapatan utama. Pertama, kajian-kajian manifesto pada peringkat negeri menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara parti yang menang pilihan raya dengan manifesto. Selain itu, isu-isu setempat memainkan peranan yang penting dalam manifesto di peringkat negeri. Kedua, walaupun ekonomi merupakan elemen penting dalam manifesto, namun terdapat isu-isu lain yang mempengaruhi pengundi dan perlu diberi penekanan khususnya aspek integriti, ketelusan dan tadbir urus baik oleh kerajaan. Ketiga, dalam aspek sosial, dapatan menunjukkan isu-isu penting yang boleh memberi kesan kepada belia adalah berkaitan dengan isu pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) peluang pekerjaan, kenaikan harga barang dan beberapa isu lain yang menyumbang kepada kekalahan BN pada PRU 2018. Keempat pula adalah berkaitan aspek politik, isu tadbir urus baik ini menjadi penting pada PRU 2013 dan semakin jelas pada PRU 2018 apabila kekalahan BN di Sabah juga dikaitkan dengan salah satu isu iaitu tadbir urus baik. Justeru, elemen tadbir urus baik dalam manifesto adalah penting dan boleh mempengaruhi pengundi. Akhir sekali, manifesto yang ditawarkan kepada pengundi mestilah praktikal dan boleh dilaksanakan. Jika tidak dapat dilaksanakan, insiden yang berlaku dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) di Cameron Highlands telah menjadi antara faktor kekalahan PH kerana kegagalan menunaikan janji dalam manifesto PRU 2018. Oleh itu, disyorkan parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya amat perlu mengambil satu pendekatan atau strategi yang lebih baik dalam menawarkan manifesto kepada pengundi pada masa akan datang. Pendekatan ini termasuklah mendengar keperluan akar umbi, realistik, praktikal dan terjamin dari segi kebolehlaksanaan dalam sesebuah perancangan. Implikasinya, manifesto yang baik, realistik dan boleh dilaksanakan akan memberikan situasi menang-menang kepada kedua-dua pihak, iaitu parti yang bertanding dan rakyat.

Kata Kunci: Manifesto, Pilihan Raya Umum, PRU 14, politik, pola pengundian

Abstract

The article discusses the election manifesto in Malaysia presented by a coalition of major parties contesting in the 2018 General Election (GE), particularly Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan (PH) and Gagasan Sejahtera. This study is important to compare the differences of these three manifestos of a party coalition and analyse the advantages and disadvantages of the manifesto offered as it can be improved in the future. To achieve this objective, content analysis was used to examine the three manifestos offered. The results find five main findings. First, state-level manifesto studies show that there is a relationship between the party that won the election and the manifesto. In addition, local issues play an important role in the manifesto at the state level. Second, although economics is an important element in the manifesto, there are other issues that influence voters and need to be emphasized, especially in the aspects of integrity, transparency and good governance by the government. Third, in the social aspect, the findings show that important issues that can affect the youth are related to the National Higher Education Fund Corporation (PTPTN) loan issue, employment opportunities, the increase in the price of goods and several other issues that have contributed to BN's defeat in the 2018 GE. The fourth is related to the political aspect, the issue of good governance became important in the 2013 GE and became more evident in the 2018 GE when BN's defeat in Sabah was also linked to one of the issues of good governance. Thus, the element of good governance in the manifesto is important and can influence voters. Finally, the manifestos offer to voters must be practical and workable. If it cannot be implemented, the incident occurred in the By-Election (PRK) in Cameron Highlands has been one of the factors in PH's defeat due to the failure to fulfill the promises in the GE 2018 manifesto. Therefore, it is recommended that the parties contesting in the election must take an approach or a better strategy in offering a manifesto to voters in the future. This approach includes listening to grassroots needs, realistic, practical and guaranteed in terms of feasibility in a plan. The implication is that, a good, realistic and workable manifesto will provide a win-win situation for both parties, namely the contesting party and the people.

Keywords: *Manifesto, General Election, GE 14, politics, voting pattern*

Pengelasan

Dalam pilihan raya, setiap parti mahupun calon yang bertanding akan menawarkan manifesto masing-masing bagi menarik pengundi untuk menyokong mereka. Manifesto parti merupakan aksesori penting dalam pilihan raya di negara yang mengamalkan demokrasi. Manifesto berkait rapat dengan memberikan mandat kepada parti untuk menyediakan dasar dan membentangkannya kepada pengundi dalam pilihan raya (Rose, 1984; Powell, 2000; McDonald et al., 2004). Selain itu, manifesto boleh digunakan sebagai dokumen intra-parti, untuk berkomunikasi dengan kumpulan berkepentingan atau dalam proses pembentukan kerajaan selepas pilihan raya (Daubler, 2012). Bukan itu sahaja, manifesto juga berfungsi sebagai bahan kempen yang memberikan ringkasan kedudukan parti dan memperkemas kempen (Eder et al., 2017). Oleh kerana manifesto digunakan secara meluas dan dianggap sebagai 'berwibawa' dan 'pernyataan wakil untuk seluruh parti', maka ahli saintis politik juga sering menggunakannya untuk menyelidiki kedudukan parti (Klingemann et al., 2006; Dolozal et al., 2012).

Pada PRU 2018 yang lalu, terdapat tiga manifesto yang telah digagaskan oleh gabungan parti yang besar iaitu BN, PH (dianggotai oleh PKR, Amanah dan DAP) dan Gagasan Sejahtera. Berbanding PRU 13, hanya dua gabungan besar iaitu BN dan PR (dianggotai oleh PKR, PAS dan DAP) sahaja yang menawarkan manifesto kepada pengundi. Oleh itu, pada PRU 2018 pengundi mempunyai pelbagai pilihan berdasarkan manifesto yang ditawarkan. Sama seperti PRU 13 yang lalu, PH telah melancarkan manifestonya lebih awal iaitu pada 08 Mac 2018, sebulan awal daripada BN di Pusat Konvensyen IDCC, Shah Alam (Rohaniza, 2018). Kemudian, diikuti dengan Gagasan Sejahtera yang telah melancarkan manifestonya pada 18 Mac 2018 di Astana Banquet Hall, Cyberjaya (Mohd Anwar & Irwan, 2018). Manakala BN telah melancarkan manifestonya di Stadium Axiata Arena pada 07 April 2018 secara besar-besaran (Shamsul & Janatul, 2018).

Ketiga-tiga manifesto yang ditawarkan kepada pengundi ini meliputi semua segmen mencakupi golongan muda, wanita, golongan isi rumah berpendapatan rendah, pertengahan, veteran dan memberi harapan baharu kepada pengundi. Setiap manifesto yang ditawarkan mempunyai keutamaan dan fokus

yang tersendiri. Contohnya BN, memaparkan kejayaan-kejayaan dalam mentadbir negara dalam manifestonya kerana telah lebih 60 tahun mentadbir negara. Strategi BN ini selari dengan hujah Dalton et al. (2011), yang mengatakan pengundi bukan sahaja akan menilai parti mengikut program dasar mereka untuk penggal berikutnya, tetapi juga secara retrospektif akan memfokuskan kepada prestasi kerajaan dan memerhatikan jika parti telah menunaikan janji mereka dalam manifesto. Sementara itu, PH dengan peningkatan prestasi yang baik sejak PRU 12 dan 13 telah meningkatkan usaha dan motivasi dengan berjanji dalam manifesto akan membuat lebih baik daripada kerajaan sedia ada. Begitu juga dengan Gagasan Sejahtera mempunyai matlamat membawa Malaysia ke arah yang lebih ke hadapan dan sejahtera.

Setiap kali menjelang pilihan raya, parti-parti politik akan mempersiapkan jentera masing-masing bagi menghadapi pilihan raya. Justeru, penelitian dan analisis manifesto pada setiap pilihan raya adalah penting bagi memastikan strategi yang lebih mantap. Berdasarkan analisis kajian lepas, mendapati bahawa kajian yang meneliti manifesto pada PRU 2018 hanya melibatkan satu parti dalam kajian sama ada BN atau PH sahaja, kajian terdahulu tidak membandingkan manifesto bagi ketiga-tiga gabungan parti utama yang bertanding pada pilihan raya tersebut iaitu BN, PH dan Gagasan Sejahtera. Oleh itu, artikel ini bertujuan membanding bezakan ketiga-tiga manifesto gabungan parti tersebut dengan melihat kelebihan dan kekurangan manifesto yang ditawarkan supaya dapat ditambahbaik pada masa akan datang.

Sorotan Literatur

Bahagian ini meneliti dan mengupas kajian-kajian lepas yang berkaitan manifesto pilihan raya di Malaysia. Daripada sorotan literatur ini dapat dikenal pasti bentuk kajian, fokus, metodologi dan hasil kajian berkaitan dengan manifesto. Kajian berkaitan manifesto penting kerana merupakan elemen yang digunakan dalam pilihan raya dan boleh mempengaruhi pengundi. Justeru, sorotan literatur ini akan dapat memberi gambaran menyeluruh kepada pembaca tentang kajian manifesto pilihan raya di Malaysia dan tumpuan kajian-kajian yang lalu.

Kajian Manifesto di Malaysia

Kajian-kajian berkaitan dengan manifesto pilihan raya ini boleh dibahagikan kepada dua tema iaitu manifesto peringkat nasional dan negeri. Pembahagian kepada dua tema ini membolehkan pembaca mendapat gambaran awal dan dapat membanding bezakan isu-isu yang ditawarkan di kedua-dua peringkat seterusnya mengenal pasti strategi-strategi yang digunakan oleh parti-parti yang bertanding.

Kajian Manifesto di Peringkat Negeri

Terdapat enam kajian yang meneliti manifesto pilihan raya di peringkat negeri iaitu satu kajian di Sarawak, Terengganu, Kedah, Sabah dan dua di Selangor. Ismail & Mosli (2009) telah mengkaji keupayaan pakatan pembangkang yang memenangi beberapa kerusi dalam Pilihan Raya Negeri Sarawak 2006. Hasil kajian menunjukkan bahawa kejayaan parti pembangkang memenangi beberapa kerusi DUN Sarawak dalam pilihan raya tersebut boleh dikaitkan dengan manifesto parti yang memenuhi aspirasi pengundi dan personaliti calon. Seterusnya, Azmah (2013) membincangkan perkembangan politik dan pembangunan ekonomi yang saling berkait dan boleh dilihat dalam sejarah politik dan ekonomi negeri Terengganu antara PRU 1955 hingga 1969. Hasilnya menunjukkan bahawa pengundi menilai perkara-perkara yang dijanjikan dalam manifesto dan isu ekonomi perlu ditekankan untuk meraih sokongan rakyat. Selain itu, Junaidi et al. (2015) menganalisis kempen, isu dan persepsi terhadap dasar kerajaan negeri dan persekutuan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (N25) Kajang, Selangor pada 2014. Hasil kajian mendapati manifesto parti, jenis kempen, dan calon menjadi medium utama dalam mempengaruhi sokongan kepada parti politik dalam PRK DUN Kajang. Sama juga di Selangor, Shahurinain (2016) membincangkan mengenai keberkesanan pemasaran politik parti BN dan PR di Selangor pada PRU 2013. Hasil analisis mendapati, parti BN dan PR menggunakan orientasi *Market-Oriented Party* (MOP) sebagai strategi pemasaran politik mereka. Ternyata didapati, strategi MOP PR lebih berkesan dari BN dengan tawaran PR yang lebih

baik. PR telah menterjemahkan kemahuan dan permintaan pengundi dalam bentuk manifesto atau janji-janji politik. Sementara itu, kajian manifesto pada PRU 14, Mohd Firdaus & Arba'iyah (2018) meneliti isu air yang menjadi isu utama dalam manifesto setiap parti politik yang bertanding di Kedah. Hasil kajian menunjukkan pengundi menilai tawaran manifesto yang dijanjikan oleh setiap parti dan isu bekalan air menjadi antara faktor utama kekalahan BN dan kemenangan kepada PH pada PRU14 di Kedah. Akhir sekali, Mohamad Shaukhi et al. (2018) mengkaji penyertaan PAS pada PRU 14 di Sabah dengan meneliti kempen dan persepsi. Hasilnya mendapati sokongan kepada PAS agak terbatas, dan perlunya memperluaskan isu-isu pembangunan ekonomi dan sosial dalam manifesto mereka.

Dapat dirumuskan, hasil analisis sorotan literatur mendapati kajian-kajian manifesto di peringkat negeri menunjukkan bahawa ada hubungan antara parti yang menang pilihan raya dengan manifesto. Selain itu, isu-isu setempat memainkan peranan yang penting dalam manifesto di peringkat negeri. Walau bagaimanapun, kajian manifesto di peringkat negeri boleh dikembangkan lagi di negeri-negeri yang '*fragile*' seperti negeri Perak yang telah acap kali bertukar kerajaan selepas setahun dua pilihan raya dilaksanakan pada PRU 2008 dan PRU 2018.

Kajian Manifesto Peringkat Nasional

Antara kajian yang mengkaji manifesto pilihan raya di awal pasca merdeka ialah Sharifah Darmia (2010) iaitu pada Pilihan Raya Umum (PRU) 1959 dan PRU 1964. Beliau membincangkan isu bahasa dalam manifesto pilihan raya. Hasil kajiannya mendapati dalam PRU 1959 dan PRU 1964, isu bahasa menjadi manifesto wajib dalam kempen-kempen. Ahli-ahli politik memanipulasi isu bahasa sebagai usaha untuk meraih undian dan kesannya meretakkan lagi hubungan antara kaum. Kemudian dalam kajian seterusnya, Sharifah Darmia (2014) masih lagi membincangkan isu bahasa kebangsaan. Namun, dibandingkan dengan tiga PRU 1959, 1964 dan 1969. Hasilnya, pemimpin politik menggunakan isu Bahasa kebangsaan sebagai kempen dalam manifesto mereka. Kesannya, kerajaan terpaksa bertindak menggubal undang-undang berkaitan dengan perkara-perkara yang sensitif, untuk mengelakkan orang ramai mempersoalkan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara sewenang-wenangnya.

Kajian berkaitan manifesto seterusnya adalah Ahmad Zahid (2008) yang meneliti manifesto Barisan Nasional (BN) sebagai agenda akhbar bahasa Melayu pada PRU 1982, 1986, 1990, 1995 dan 1999. Dapatan menunjukkan ketika pilihan raya tersebut, agenda kedua-dua akhbar bahasa Melayu di negara ini dibina berdasarkan kandungan manifesto Barisan Nasional. Amalan ini mengukuhkan lagi bahawa parti pemerintah mahukan pengamal media kedua-dua akhbar menterjemahkan agenda parti dalam semua liputan dalam halaman akhbar mereka. Hal ini kerana akhbar-akhbar berkenaan dimiliki oleh mereka.

Pilihan raya seterusnya, Idris (2008) menggunakan perspektif yang berbeza, melihat kejayaan Barisan Nasional (BN) daripada perspektif linguistik dengan mengkaji manifesto BN pada PRU 2004. Hasil kajian mendapati manifesto itu menggunakan kelebihan ayat aktif dengan dominan, BN sebagai pelaku untuk memberi keyakinan kepada pengundi. Selain itu, manifesto dengan struktur generik yang berkesan dan tersusun merupakan salah satu faktor yang turut penyumbang kepada kemenangan besar BN dalam pilihan raya 2004, selain faktor kehairahan rakyat kepada pemimpin baru. Begitu juga Imran (2009) melihat dari sudut bahasa, membuat kajian tentang korpus terhadap manifesto PRU 2008 di antara BN, PKR, PAS dan DAP. Analisis kajian menunjukkan perbandingan dengan rujukan korpus yang besar iaitu berjumlah lima juta patah perkataan, jelas menunjukkan bahawa berdasarkan senarai kata yang paling kerap muncul dalam manifesto pilihan raya mempunyai ciri-ciri tersendiri atau membentuk satu *genre*.

Sementara itu, Syahrudin (2008) mengkaji manifesto BN pada PRU 2008. Beliau menganalisis kaedah dan teknik kempen BN, tanggapan dan penilaian pengundi Malaysia terhadapnya. Hasil kajian menunjukkan penggunaan naratif tidak cukup untuk pihak pemerintah menunjukkan jasa dan kebaikan yang pernah dan sedang diusahakan. Oleh itu, usaha penyelesaian isu sedia ada dalam manifesto boleh memberi kesan langsung terhadap keyakinan pengundi terhadap mutu kepimpinan

Barisan Nasional. Manakala Tan & Mohamed (2013) meneliti manifesto dan belanjawan yang juga merangkumi dasar ekonomi yang berjalan sesuai dengan manifesto parti pemerintah selepas PRU 2008. Walaupun belanjawan adalah hak istimewa pemerintah yang berkuasa, rancangan, perbelanjaan, percukaian dan pinjaman kewangan pemerintah tertakluk pada undang-undang, tindakan, peraturan dan prosedur. Pemerintah yang berkuasa tidak boleh menggunakan sumber ekonomi untuk kepentingan politiknya. Walau bagaimanapun, hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang kuat antara parti politik yang berkuasa dalam melaksanakan manifesto dan penyusunan dasar belanjawan.

Lanjutan itu, penelitian manifesto PRU 2013 diteruskan oleh Idris (2014) membincangkan daripada perspektif linguistik manifesto parti Barisan Nasional dan Pakatan rakyat. Beliau meneliti penghasilan manifesto dengan menggunakan linguistik bagi mencapai hasrat politik. Hasil kajian mendapati bahawa manifesto pilihan raya yang dihasilkan mempunyai aspek bahasa yang berperanan dalam proses persaingan kuasa pemerintahan negara atau proses politik. Pada waktu yang sama, Mohd. Fauzi & Ku Hasnita (2015) dalam kajiannya Gerakan Mahasiswa 13 (GM13) pada PRU 2013 melancarkan manifestonya untuk menarik perhatian pemerintah yang memerintah terhadap tuntutan dan melancarkan beberapa demonstrasi jalanan untuk memberi tekanan kepada pemerintah. Dalam pada itu Noor Zafira & Syahrudin (2017) melihat peranan media dalam peloporan elemen-elemen semangat nasionalisme dalam bentuk slogan dan manifesto parti-parti yang bertanding pada PRU di era sebelum merdeka hingga 2013. Hasil analisis mendapati media tempatan memainkan peranan penting dalam melaporkan dan menjadi bahan berita pembawa semangat nasionalisme dalam kempen dan manifesto pilihan raya.

Seterusnya PRU 2018, A Rahman & Pandikar Amin (2018) membincangkan manifesto dan MA63 serta kaitannya dengan isu-isu yang dibangkitkan dalam kenyataan politik. Kajian ini menemukan bahawa pada PRU 2018, MA63 dieksploitasi menjadi satu retorik politik. Hal ini kerana kurangnya kefahaman terhadap MA63 dan hubung kaitnya dengan peristiwa sejarah yang telah berlaku dalam konteks masa kini. Selain itu, Muhammad Ariff & Sity (2018) memfokus manifesto BN untuk melihat agenda program pembangunan di bawah kepimpinan Najib Razak. Walaupun tawaran populis dikemukakan dalam manifesto BN, PRU 2018 menyaksikan kekalahan BN buat kali pertama dalam sejarah Malaysia turut menandakan penolakan rakyat terhadap agenda pembangunan ekonomi yang dibawa oleh Najib. Dalam pada itu, Nasir & Efendi (2019) meneliti manifesto PRU 2018 dengan keperluan orang kurang upaya. Dapatan kajian menunjukkan responden tidak yakin dengan kemampuan setiap gabungan politik untuk menepati janji mereka yang berkaitan dengan masalah orang kurang upaya dalam manifesto mereka. Selain itu, 88 responden (89.8%) setuju dan sangat setuju bahawa masalah orang kurang upaya mesti dimasukkan sebagai sebahagian daripada manifesto politik. Berbeza dengan sebelum itu, Noor Asyikin & Nor Azlin (2020) membincangkan intipati Teori Pemodenan Ekologi yang diterapkan dalam manifesto Pakatan Harapan (PH). Hal ini kerana manifesto politik berfungsi sebagai garis panduan pembuatan dasar awal, adalah mustahak untuk memahami Pakatan Harapan merancang masa depan untuk negara. Hasil kajian mendapati kerajaan PH berulang kali mengulangi rancangannya untuk membangun negara dan bergerak ke arah sebuah negara maju. Petunjuk dari manifesto PH, cenderung untuk memperbaiki perkara yang lebih 'penting' yang perlu segera diperbaiki iaitu kestabilan ekonomi dan politik daripada menumpukan kepada keperluan persekitaran dalam konteks yang lebih besar. Sementara itu, menggunakan perspektif bahasa, Muhammad Faizul & Harishon (2020) mengkaji teks manifesto Pakatan Harapan pada PRU 2018 dan jenis struktur binaan tema yang menjelaskan fungsinya. Hasilnya, binaan struktur tema dalam teks manifesto memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan makna yang lebih kontekstual, tersusun dan mudah diterima oleh pengundi. Akhir sekali, Mohammad Tawfik (2020) yang meneliti keadaan sebelum, semasa dan pasca PRU 2018, mendapati PH, yang memerintah selama 22 bulan memenuhi manifestonya seperti yang dijanjikan dalam kempen pilihan raya mereka. Seterusnya, rakyat Malaysia, terutama para pengundi dalam beberapa siri pilihan raya kecil memberi isyarat kepada pemerintah dengan memilih calon pembangkang sebagai tanda protes terhadap pemerintah PH.

Dapat dirumuskan bahawa kajian-kajian manifesto pilihan raya peringkat nasional berfokus kepada manifesto secara umum sebanyak lima kajian (Sharifah Darmia, 2010; 2014; Imran, 2009; Noor Zafira & Syahrudin, 2017; A Rahman & Pandikar Amin, 2018; Nasir & Efendi, 2019), manifesto BN

empat kajian (Ahmad Zahid, 2008; Idris, 2008; Syahrudin, 2008; Muhammad Ariff & Sity, 2018), manifesto PH tiga kajian (Noor Asyhikin & Nor Azlin, 2020; Muhammad Faizul & Harishon, 2020; Mohammad Tawfik, 2020) dan selebihnya satu setiap kajian manifesto BN dan PR (Idris, 2014), manifesto dan belanjawan (Tan & Mohamed, 2013) dan manifesto gerakan mahasiswa (Mohd. Fauzi & Ku Hasnita, 2015).

Manakala dari segi kajian yang dilaksanakan pula, ada pelbagai pespektif yang dikaji antaranya ialah perspektif bahasa (Idris, 2008; 2014; Muhammad Faizul & Harishon, 2020), isu (Sharifah Darmia, 2010; 2014; A Rahman & Pandikar Amin, 2018; Nasir & Efendi, 2019), peranan media (Ahmad Zahid, 2008; Noor Zafira & Syahrudin, 2017), pembangunan dan ekonomi (Muhammad Ariff & Sity, 2018; Noor Asyhikin & Nor Azlin, 2020; Tan & Mohamed, 2013), dan strategi kempen (Syahrudin, 2008; Mohd. Fauzi & Ku Hasnita, 2015; Mohammad Tawfik, 2020).

Selain itu, hasil analisis sorotan literatur ini mendapati bahawa kajian yang meneliti manifesto pada PRU 2018 hanya melibatkan satu parti dalam kajian sama ada BN atau PH, belum membandingkan dengan ketiga-tiga gabungan parti utama yang bertanding pada pilihan raya tersebut iaitu BN, PH dan Gagasan Sejahtera. Justeru, artikel ini dilakukan bagi membanding bezakan ketiga-tiga manifesto gabungan parti tersebut dan melihat kelebihan atau kekurangan manifesto yang ditawarkan supaya dapat ditambahbaik pada PRU 15.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Penggunaan kaedah analisis kandungan telah digunakan dengan meluas dalam pelbagai bidang. Antaranya dalam bidang pemasaran, sumber manusia, komunikasi, psikologi, bahasa, pengurusan, teknologi, penyelidikan dan lain-lain (Berelson, 1952; Kolbe & Burnett, 1991; Duriau et. al., 2007; Krippendorff, 2013;). Sementara itu, bahan-bahan yang digunakan dalam analisis kandungan boleh dibahagikan kepada dua iaitu, pertama kandungan bersifat *tangible* iaitu yang boleh disentuh seperti media cetak, dokumen, transkrip temubual, buku teks dan *non-tangible* seperti media elektronik.

Analisis yang digunakan dalam penyelidikan ini terhad kepada analisis teks (manifesto) dengan dibantu dengan perisian komputer. Berdasarkan kajian-kajian yang pernah dilakukan sebelum ini, proses pengkodan dapat dipermudahkan dengan penggunaan perisian komputer (Zuhairi & Kamarul Anuar, 2012). Kajian ini menggunakan perisian komputer *Atlas. ti* versi 8 bagi tujuan pengkodan dan carian maklumat di dalam manifesto, ia membantu dalam proses analisis kandungan yang dijalankan. Perisian komputer *Atlas. ti* versi 8 dapat menyediakan satu analisis data yang tersusun, sistematik dan fleksibel. Hal ini kerana penyelidik dapat mewujudkan kod pencarian dan kategori secara manual atau automatik.

Jadual 1, adalah ringkasan *Networks* dan *Codes* yang telah dianalisis mengikut tema berdasarkan objektif-objektif kajian ini:

Jadual 1: Codes

| Dokumen | Tema | Jumlah Codes |
|-----------------------------|--|--------------|
| Manifesto BN | Merangkumi aspek politik, ekonomi dan sosial | 37 |
| Manifesto PH | | 35 |
| Manifesto Gagasan Sejahtera | | 39 |
| Jumlah | | 111 |

Sumber: Diubah suai daripada manifesto BN, (2018); PH, (2018); Gagasan Sejahtera, (2018)

Merujuk Jadual 1, data yang telah dianalisis dan dikodkan merangkumi tiga aspek utama iaitu politik, ekonomi dan sosial. Manakala jumlah *Codes* ialah jumlah petikan yang berkaitan dengan tema yang telah ditetapkan dalam tiga aspek utama iaitu politik, ekonomi dan sosial. Kemudian *Codes* ini

dikumpulkan mengikut *Code Groups* yang ditentukan kemudian mengikut subtema seperti tadbir urus baik (politik), keusahawanan dan pelaburan (ekonomi), serta pendidikan dan kesihatan (sosial). Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan dengan menggunakan perisian *Atlas. ti* versi 8 ini, analisis dapat dilakukan dengan cepat dan efisien yang memudahkan penyelidik menganalisis data-data yang diperlukan.

Dapatan kajian dan Perbincangan

Bahagian dapatan dan perbincangan ini akan memberi tumpuan khusus kepada dapatan yang diperolehi menerusi analisis kandungan yang dilakukan terhadap dokumen-dokumen manifesto daripada gabungan parti PH, BN dan Gagasan Sejahtera. Analisis ini dilakukan berdasarkan maklumat yang terkandung dalam manifesto dan mengikut objektif yang telah ditetapkan dalam kajian ini. Bahagian seterusnya akan membincangkan dapatan yang diperolehi satu persatu secara mendalam.

Perbandingan Manifesto Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN) dan Gagasan Sejahtera

Analisis ini membandingkan tiga manifesto yang melibatkan parti PH, BN dan Gagasan Sejahtera. Perbandingan ini melibatkan tiga aspek utama, iaitu politik, ekonomi dan sosial secara terperinci di bawah setiap kategori dalam bentuk yang komprehensif dan padat.

Politik

Bahagian ini membincangkan aspek politik dalam manifesto yang ditawarkan oleh ketiga-tiga parti iaitu PH, BN dan Gagasan Sejahtera. Cabang politik dalam manifesto yang menjadi fokus dalam perbincangan ini adalah tadbir urus negara. Penelitian analisis adalah kepada perancangan yang diusulkan dalam manifesto untuk mewujudkan tadbir urus baik oleh ketiga-tiga parti politik. Seterusnya, analisis dilakukan untuk membanding beza tumpuan utama manifesto ketiga-tiga parti politik.

Tadbir Urus Baik (*Good Governance*)

Sebuah kerajaan yang berintegriti perlu mempunyai tadbir urus yang baik. Tadbir urus yang baik dapat memastikan kerajaan berfungsi dengan efisien dalam membangunkan negara dan memberi khidmat kepada rakyat. Oleh itu, parti yang dapat menawarkan tadbir urus baik dalam manifestonya merupakan salah satu aspek penting dapat memberi keyakinan kepada pengundi untuk memilih parti tersebut.

Ketiga-tiga manifesto daripada PH, BN dan Gagasan Sejahtera telah menggariskan janji tentang tadbir urus baik dalam manifesto masing-masing. PH telah meletakkan tadbir urus baik di bawah teras kedua dalam manifestonya yang bertemakan “Mereformasi Institusi Pentadbiran dan Politik”. Merujuk Jadual 2, dalam teras kedua, secara keseluruhan mengandungi 60 janji, 19 daripadanya adalah bagi mewujudkan tadbir urus baik (janji ke-11 hingga janji ke-29). Perkara ini menunjukkan aspek tadbir urus amat dipandang penting oleh PH. Selain itu, berdasarkan Jadual 2, isu ketelusan merupakan aspek utama yang diberikan tumpuan oleh PH dengan menghadkan tempoh perkhidmatan Perdana Menteri dan menstruktur semula Jabatan Perdana Menteri (Janji 12). Begitu juga dengan mereformasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan usaha membanteras rasuah (Janji 14). Kedua-dua janji ini penting bagi menghalang hegemoni Perdana Menteri yang mampu mengawal pelbagai agensi penting seperti kewangan dan SPRM. Selain itu, janji PH adalah untuk memisahkan Pejabat Pendakwa Raya Negara daripada Pejabat Peguam Negara seperti (Janji ke-15). Di samping itu, PH juga mengusulkan pengubalan Akta Kawalan Pembiayaan Politik dan memansuhkan undang-undang yang zalim.

Jadual 2: Teras Dua Manifesto Pakatan Harapan

| Janji | Kandungan |
|-------|---|
| 11 | Kembalikan maruah orang Melayu dan institusinya |
| 12 | Hadkan tempoh perkhidmatan Perdana Menteri dan struktur semula Jabatan Perdana Menteri |
| 13 | Selesaikan skandal 1MDB, FELDA, MARA dan Tabung Haji |
| 14 | Reformasi SPRM dan perkasa usaha membanteras rasuah |
| 15 | Asingkan Pejabat Pendakwa Raya Negara dengan Pejabat Peguam Negara |
| 16 | Kembalikan wibawa institusi parlimen |
| 17 | Jamin ketelusan dan memodenkan sistem pilihan raya |
| 18 | Wujudkan mekanisme pembiayaan politik yang berintegriti |
| 19 | Kembalikan kepercayaan terhadap institusi kehakiman dan perundangan |
| 20 | Angkatan Tentera Malaysia dan pasukan PDRM sebagai sebuah pasukan yang dihormati dan disegani |
| 21 | Perkasa perkhidmatan awam |
| 22 | Pastikan pentadbiran semua syarikat milik kerajaan (GLC) setaraf dengan piawaian antarabangsa |
| 23 | Pastikan sistem perolehan kerajaan menjana faedah maksimum untuk wang rakyat |
| 24 | Aplikasi konsep sebenar federalisme |
| 25 | Perkasa peranan dan kuasa pihak berkuasa tempatan |
| 26 | Malaysia sebuah negara yang mempunyai rekod hak asasi yang dihormati dunia |
| 27 | Hapuskan undang-undang yang zalim |
| 28 | Bina generasi muda yang kreatif dan bebas daripada cengkaman kezaliman |
| 29 | Tingkatkan ketelusan dan integriti belanjawan dan proses belanjawan |

Sumber: Diubah suai daripada manifesto PH, (2018)

Berikutnya, berdasarkan Jadual 3 menunjukkan manifesto BN dalam Teras 13 yang bertemakan “Tadbir Urus yang baik dan Penyertaan Rakyat”. Dalam Teras 13 tersebut, mengandungi sebanyak 11 janji yang menawarkan tadbir urus baik dan penyertaan rakyat bagi mempertingkatkan prestasi tadbir urus kerajaan terutamanya kerajaan tempatan. Hasil analisis menunjukkan BN memberi penekanan terhadap Pihak Berkuasa Tempatan dalam manifestonya. Hal ini dapat dilihat melalui usul lima janji yang berkaitan dengan Pihak Berkuasa Tempatan daripada jumlah 11 janji secara keseluruhan di bawah teras tersebut. Selain itu, BN juga merancang untuk menggubal beberapa undang-undang seperti undang-undang Akta Berita Palsu dan Akta Dana Politik. Tujuan utama usul ini adalah untuk mewujudkan sistem pentadbiran yang lebih baik. Hasil analisis juga mendapati BN seperti bersungguh untuk mewujudkan tadbir urus baik dengan pengenalan petisyen awam, *Ombudsman* dan Jawatankuasa Terpilih Parlimen untuk melaksanakan kewajipan penyiasatan aduan dan memberi maklum balas. Tawaran ini merupakan satu inisiatif yang baik daripada manifesto BN.

Jadual 3: Teras 13 Manifesto Barisan Nasional

| Bilangan | Kandungan |
|----------|---|
| 1 | Perkenalkan Petisyen Awam untuk setiap isu penting. |
| 2 | Kerajaan Digital meningkatkan tahap kecekapan. |
| 3 | Gubal Akta Berita Palsu bagi ketenteraman awam. |
| 4 | Gubal Akta Dana Politik. |
| 5 | Wujudkan <i>Ombudsman</i> . |
| 6 | Tingkatkan ketelusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). |
| 7 | Dedahkan laporan audit tahunan PBT untuk tatapan awam. |
| 8 | Wajibkan <i>Town Hall</i> bersama penduduk secara berkala. |
| 9 | Perkenalkan aplikasi iKepoh untuk membolehkan orang awam membuat aduan. |
| 10 | Realisasikan transformasi PBT. |
| 11 | Tubuhkan Jawatankuasa Terpilih Parlimen. |

Sumber: Diubah suai daripada manifesto BN, (2018)

Seterusnya berdasarkan Jadual 4, menunjukkan manifesto Gagasan Sejahtera dalam Teras Satu. Terdapat lima janji yang ditawarkan dalam manifesto tersebut berkaitan dengan tadbir urus baik. Manifesto Gagasan Sejahtera telah menggariskan janji yang menekankan pelbagai aspek termasuk membanteras rasuah dan salah guna kuasa. Menariknya ialah Gagasan Sejahtera menerapkan unsur

Islamik yang memenuhi tuntutan syarak. Selain itu, Manifesto Gagasan Sejahtera juga menawarkan untuk memperkukuhkan sistem pengasingan kuasa, menjadikan SPRM bebas dan berwibawa, menubuhkan Institusi Hisbah Rakyat (*People Ombudsman*) dan penggubalan akta berkaitan dana dan pembiayaan politik.

Jadual 4: Teras Satu Manifesto Gagasan Sejahtera

| Bilangan | Kandungan |
|----------|---|
| 1 | Wujudkan tadbir urus yang bertepatan dengan tuntutan syarak. |
| 2 | Perkukuh sistem pengasingan kuasa. |
| 3 | SPRM yang bebas dan berwibawa. |
| 4 | Menubuhkan Institusi Hisbah Rakyat (<i>People Ombudsman</i>). |
| 5 | Menggubal akta baru berkaitan dengan dana dan pembiayaan politik. |

Sumber: Diubah suai daripada manifesto Gagasan Sejahtera, (2018)

Hasil kajian yang dilakukan mendapati manifesto ketiga-tiga parti politik mempunyai perbezaan daripada aspek tumpuan utama. Dapat dilihat, manifesto PH lebih mengutamakan isu integriti dan ketelusan dengan mengurangkan kuasa Perdana Menteri. Manakala BN memberi tumpuan kepada meningkatkan prestasi kerajaan dengan menuju ke arah kerajaan digital. Selain itu, BN juga berusaha untuk memperkasakan Pihak Berkuasa Tempatan dan meningkatkan penyertaan rakyat melalui mewajibkan *Town Hall*. Manakala, manifesto Gagasan Sejahtera pula memasukkan elemen Islamik dalam tadbir urus yang baik, selain mewujudkan *Ombudsman* sama seperti BN. Antara aspek yang diberi perhatian penting oleh ketiga-tiga parti politik adalah berkaitan dengan penggubalan akta berkaitan dengan dana politik. Hal ini penting bagi mewujudkan amalan parti politik yang berintegriti dan beretika.

Berdasarkan kajian Siti Noranizahhafizah (2015), isu tadbir urus baik ini menjadi penting dan kelihatan menonjol pada PRU 2013 apabila isu yang berkaitan dengan integriti dan rasuah hangat dalam kempen-kempen pilihan raya seperti isu penyelewengan seperti Pusat Fidlot Kebangsaan (NFC), projek Langat 2, Lynas, projek Pengerang dan FELDA. Situasi ini semakin jelas pada PRU 2018 apabila kekalahan BN di Sabah juga dikaitkan dengan salah satu isu iaitu tadbir urus baik yang melibatkan nepotisme dan 1MDB (Wan Shawaluddin et al., 2018). Bukan itu sahaja, hasil kajian Mohammad Agus & Muhamad Mashril (2018), kemenangan PH pada PRU 2018 adalah disebabkan oleh banyak faktor, antaranya ialah liabiliti BN yang diselubungi dengan skandal 1MDB, rasuah dan salah guna kuasa. Justeru, ini membawa makna, elemen tadbir urus baik dalam manifesto adalah penting dan boleh mempengaruhi pengundi. Oleh itu, parti yang dapat menawarkan inti pati yang menjadi keprihatinan rakyat sudah tentu dapat menambat hati pengundi. Namun, perlu dipastikan ia bukan sekadar janji, tetapi perlu dilaksanakan bagi mengukuhkan keyakinan dan sokongan rakyat pada pilihan raya akan datang.

Ekonomi

Bahagian ini membincangkan aspek ekonomi dalam manifesto yang ditawarkan oleh PH, BN dan Gagasan Sejahtera. Justifikasi utama aspek pelaburan dipilih untuk dibandingkan kerana pelaburan merupakan salah satu cara untuk membangunkan negara dan menjamin ekonomi yang pesat. Oleh itu strategi, program dan dasar yang ditawarkan dalam ketiga-tiga manifesto diperhalusi untuk melihat fokus dan tumpuan utama parti-parti tersebut.

Berdasarkan Jadual 5, merupakan perbandingan ketiga-tiga manifesto daripada aspek pelaburan. Hasil daripada analisis yang dilakukan, dilihat kecenderungan PH untuk mewujudkan jalinan kerjasama ekonomi dengan negara-negara rantau Asia, seperti negara-negara ASEAN dan China. Selain itu, dapat dilihat PH merancang untuk mengadakan rundingan dengan Kesatuan Eropah dan negara-negara lain supaya dapat menarik pelaburan asing dan membuka pasaran baru. Selain itu, PH juga dalam manifestonya mengambil berat produktiviti dan kualiti produk agar dapat berdaya saing dengan negara lain.

Manakala Manifesto BN pula, hasil analisis mendapati BN cenderung untuk memperluaskan sumber pelaburan dengan mewujudkan zon industri mampan. Bukan itu sahaja, BN juga merancang unruk membina pelabuhan baru dan menaik taraf infrastruktur untuk menarik pelancong dan pelaburan asing. Berbeza sedikit dengan Gagasan Sejahtera, mereka memberikan fokus utama kepada pelaburan sektor pertanian dan industri asas tani. Dapat dilihat perancangan Gagasan Sejahtera adalah untuk menjamin keperluan bekalan makanan dan meningkatkan lagi peluang pekerjaan. Berdasarkan analisis yang dilakukan, menunjukkan PH dan BN mempunyai perancangan yang pelaburan yang hampir sama berbanding dengan Gagasan Sejahtera yang berfokus kepada sektor pertanian.

Jadual 5: Perbandingan dalam Aspek Pelaburan

| Pakatan Harapan | Barisan Nasional | Gagasan Sejahtera |
|---|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Merangsang pelaburan • Mempermudah proses perniagaan (Janji 31) • Meningkatkan pengusaha Bumiputera • Peluang menceburi pasaran antarabangsa. • Merangsang pertumbuhan sektor ekonomi baru • Pembangunan sektor penyelidikan • Perlindungan harta intelek - melabur dalam aktiviti inovasi dengan lebih rancak. • Pelaburan berterusan dari negara China dan negara-negara Asia yang lain. | <ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan zon industri mampan • Mengenal pasti lokasi pelaburan baharu • Pemindahan tapak industri sedia ada. • Membina pelabuhan moden bertaraf dunia di Pulau Carey - hab maritim dengan pelaburan sebanyak RM200 bilion. • Menaik taraf kemudahan jeti, terminal dan Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ) - Pulau Langkawi (RM86.5 juta) untuk menarik lebih ramai pelancong dan pelaburan asing. | <ul style="list-style-type: none"> • Merangsang pelaburan dan penyertaan sektor swasta secara besar-besaran • Mengembangkan sektor pertanian dan industri asas tani • Menjamin keperluan bekalan makanan • Mewujudkan banyak peluang pekerjaan berasaskan sektor di luar bandar. • Mengembangkan insentif-insentif pelaburan yang diberikan melalui pelbagai agensi kerajaan sedia ada. |

Sumber: Diubah suai daripada manifesto BN, (2018); PH, (2018); Gagasan Sejahtera, (2018)

Hasil analisis data mendedahkan bahawa betapa tawaran populis dikemukakan dalam manifesto BN pada PRU 2018 telah ditolak oleh pengundi. Akibatnya, BN telah menerima kekalahan pada PRU tersebut. Kekalahan ini merupakan kekalahan yang pertama kali dihadapi BN dalam sejarah pilihan raya umum di Malaysia. Malah kekalahan tersebut turut ditanggapi umum sebagai mesej penolakan oleh rakyat terhadap agenda pembangunan ekonomi yang dibawa oleh Najib atau BN (Muhammad Ariff & Sity, 2018). Oleh itu, penolakan ini membawa makna besar bahawa sungguhpun pembangunan ekonomi merupakan elemen penting dalam sesebuah manifesto, ternyata terdapat perkara-perkara lain yang penting sehingga boleh mempengaruhi secara langsung para pengundi terutamanya aspek integriti, ketelusan dan tadbir urus baik oleh kerajaan.

Dalam pada itu, manifesto PH ternyata lebih cenderung untuk memperbaiki perkara yang secara relatifnya amat penting dan perlu ditangani segera khususnya aspek ekonomi dan kestabilan berbanding keperluan persekitaran dalam konteks yang lebih besar (Noor Asyhikin & Nor Azlin, 2020). Satu perkara penting yang lain yang perlu diberi perhatian adalah manifesto yang ditawarkan kepada pengundi mestilah praktikal dan boleh dilaksanakan. Sekiranya tidak dapat dilaksanakan, perkara yang sama seperti dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) di Cameron Highlands boleh berlaku. Salah satu faktor utama kekalahan PH berpunca daripada kegagalan menunaikan janji dalam Manifesto dalam PRU 2018 (Suresh Kumar, 2019).

Berdasarkan hasil analisis data, disyorkan agar parti-parti politik yang bertanding pada PRU 15 dapat mengambil pendekatan diikuti dengan strategi yang lebih baik dalam menawarkan manifesto kepada pengundi pada masa akan datang. Adalah perlu untuk mendengar keperluan akar umbi, realistik, praktikal serta terjamin daripada segi perlaksanaannya. Perkara-perkara ini perlu dititik beratkan kerana mengambil pengalaman kekalahan *Democratic Party of Japan* (DPJ) dalam pilihan raya *Lower House* pada Disember 2012. Menurut Asmadi et al. (2015) perubahan sistem pilihan raya pada tahun 1994

yang bertujuan meningkatkan kepentingan manifesto dalam pilihan raya merupakan faktor penyebab utama kekalahan parti DPJ. Parti tersebut telah gagal menunaikan janji dalam manifesto terutamanya tentang isu Okinawa dan cukai pengguna yang meningkat. Jelas betapa perlunya parti politik mengambil kira dengan serius akan usaha untuk menyediakan manifesto yang realistik dan mampu dilaksanakan.

Sosial

Manifesto PH, BN dan Gagasan Sejahtera juga mengambil berat aspek sosial dengan menyediakan tawaran aspek sosial yang berfokus kepada aspek pendidikan. Hal ini kerana pendidikan merupakan kunci utama yang boleh membawa masyarakat dan negara kepada kebersamaan, kemajuan dan kestabilan.

Pendidikan

Pendidikan merupakan aspek penting dalam membangunkan modal insan yang bakal memimpin negara pada masa hadapan. Tanpa pendidikan, kemajuan sesebuah negara akan terbantut malah tahap kesejahteraan rakyat juga boleh terganggu. Justeru, sistem pendidikan yang berkualiti perlu dilaksanakan untuk memastikan generasi muda yang berdaya saing dapat dilahirkan. Jadual 6 menunjukkan perbandingan aspek pendidikan dalam manifesto PH, BN dan Gagasan.

Berdasarkan jadual tersebut, PH memberikan dua janji utama berkaitan bidang pendidikan, iaitu janji ke-49 dan janji ke-50. Kedua-dua janji ini terletak di bawah teras lima yang bertema Membina Malaysia yang Inklusif, Moderat dan Gemilang di Persada Dunia. Manakala dalam manifesto BN hal yang sama terkandung dalam teras ke-4 yang bertemakan Pemacuan Modal Insan, Kecemerlangan Pendidikan. Sebanyak 26 janji berkaitan pembangunan modal insan dan sistem pendidikan telah disenaraikan dalam teras tersebut. Sementara itu, parti Gagasan Sejahtera meletakkan janji-janji berkaitan dengan pendidikan di bawah teras lima yang bertemakan Peningkatan Kualiti Pendidikan dan menawarkan sebanyak lima janji untuk memperkasa sistem pendidikan negara.

Kesemua manifesto ketiga-tiga parti ini menunjukkan usaha dalam aspek pendidikan untuk meningkatkan kualiti sistem pendidikan negara. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga parti politik memberikan penekanan kepada aspek yang berbeza. PH dalam manifestonya jelas menunjukkan bahawa usaha untuk meningkatkan peluang pendidikan dalam kalangan golongan berpendapatan rendah. PH berjanji untuk memberikan peluang kepada golongan B40 dan M40 dalam kemasukan ke sekolah berasrama penuh (SBP) dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) yang tertera dalam janji ke-49. Selain itu, PH juga berjanji untuk menambahkan biasiswa kepada kedua-dua golongan ini bagi menjamin peluang pendidikan golongan tersebut. Selanjutnya, PH juga mengemukakan usaha dalam memperkasa pendidikan aliran teknikal dan vokasional supaya tidak dipandang sebagai pilihan kedua untuk melanjutkan pengajian.

Manakala BN dalam manifestonya yang berkaitan dengan aspek pendidikan menawarkan usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan menggunakan teknologi dan infrastruktur yang moden. Capaian internet yang baik dan berkelajuan tinggi serta saiz bilik darjah yang kondusif menjadi keutamaan BN. Dalam aspek pendidikan juga, BN menawarkan bantuan kewangan pendidikan kepada penerima Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M.) Pada masa yang sama, bagi memastikan sistem pendidikan Malaysia dapat bersaing di pentas antarabangsa, BN mengusulkan untuk memperkasakan penggunaan bahasa Inggeris. Sementara itu, manifesto Gagasan Sejahtera sedikit berbeza dengan manifesto BN dan PH. Hal ini kerana manifesto pendidikan Gagasan Sejahtera lebih menumpukan kepada pendidikan Islam dalam sistem pendidikan negara. Gagasan Sejahtera juga memberi perhatian kepada latihan perguruan bagi meningkatkan profesionalisme keguruan dan kajian semula akta seperti Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (1996) dan Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (1997) untuk tujuan memberi pendidikan percuma. Gagasan Sejahtera telah memberikan satu alternatif pilihan yang berbeza kepada pengundi untuk membuat pilihan yang sesuai dan terbaik.

Jadual 6: Perbandingan dalam Aspek Pendidikan

| Pakatan Harapan | Barisan Nasional | Gagasan Sejahtera |
|---|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Menjadikan sekolah kerajaan pilihan terbaik (Janji 49) - Keselamatan bas sekolah - Syarat kemasukan SBP dan (MRSM) - Program Sekolah Amanah - Biasiswa pendidikan. - Jawatan Pembantu Pengajar - Aliran teknikal dan vokasional • Mengembalikan wibawa universiti (Janji 50) - Menjamin kualiti pendidikan - Aliran TVET diperluas - Sijil UEC diterima sebagai syarat kemasukan IPTA - Menangguhkan pembiayaan pinjaman PTPTN - Menambah biasiswa kepada B40 dan M40 - Melipat ganda peluang pengajian menggunakan MOOC | <ul style="list-style-type: none"> • Bantuan sekali beri sebanyak RM1,500 • Memperkasakan pendidikan ke arah digital • Menaik taraf semua sekolah daif • Menaik taraf program Pendidikan Khas • Menaikkan had Insentif Khas Geran Sepadan • Pensaizan wajar bilik darjah • Menambah jumlah subjek Program Dwibahasa (DLP). • Kemahiran Bahasa Inggeris di sekolah • Meluaskan capaian Internet. • Meningkatkan pendidikan orang Asli • Memperkukuh sistem pendidikan pelbagai aliran. | <ul style="list-style-type: none"> • Mengembalikan bantuan geran per kapita kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) • Menyediakan latihan perguruan percuma • Kurikulum integrasi antara tahfiz Al-Quran dan Sains • Memperkasakan waqaf dalam sistem pendidikan • Mengkaji semula dasar-dasar berkaitan pendidikan tinggi |

Sumber: Diubah suai daripada manifesto BN, (2018); PH, (2018); Gagasan Sejahtera, (2018)

Berdasarkan analisis yang dilakukan, didapati kedua-dua gabungan parti politik PH dan BN turut berjanji untuk memberi peluang kepada pemegang sijil UEC untuk memasuki IPTA. Namun, terdapat juga perbezaan dalam janji yang dikemukakan oleh dua parti politik dalam hal tersebut. PH menawarkan peluang kemasukan ke IPTA kepada pemegang sijil UEC dengan syarat kepujian dalam mata pelajaran bahasa Melayu SPM. Manakala syarat kemasukan yang dikemukakan oleh BN memerlukan pemegang sijil UEC memperoleh pencapaian kepujian dalam mata pelajaran bahasa Malaysia dan perlu lulus mata pelajaran Sejarah. Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian Lee et al. (2018) dan Mohd Amirul (2021) situasi ini berlaku sebaliknya ekoran daripada timbulnya isu-isu Pendidikan Cina terutamanya berkaitan dengan sekolah vernakular Cina dan pengiktirafan sijil UEC yang sering kali disensasikan sehingga menyebabkan lebih ramai pengundi menolak BN.

Manifesto PH dan Gagasan Sejahtera turut menggariskan janji berkaitan dengan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). PH memberi janji untuk menangguhkan pembiayaan pinjaman PTPTN bagi meringankan beban para graduan. Manakala Gagasan Sejahtera memberi tawaran untuk melupuskan pinjaman PTPTN sebagai tanda permulaan pemberian pinjaman percuma dalam salah satu daripada 20 tawaran yang dikemukakan. Menurut Ramli et al. (2018), isu-isu penting yang sering memberi kesan kepada belia sering terkait kepada isu PTPTN, peluang pekerjaan, kenaikan harga dan beberapa isu-si semasa yang lain. Tambah beliau lagi, kumpulan belia memainkan peranan yang amat penting dalam PRU 2018 kerana kelompok ini merupakan penyumbang utama kepada kekalahan BN. Kesan ini juga berlaku kepada PH apabila mendapat kritikan yang hebat berkaitan dengan janji manifesto yang tidak dapat ditunaikan. Hal ini kerana keupayaan memenuhi manifesto dan janji pilihan raya salah satu faktor yang boleh mempengaruhi kemenangan PRK pasca PRU 2018 (Junaidi et al., 2020).

Kesimpulan

Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 merupakan sejarah baharu dan yang paling sengit dalam sejarah politik Malaysia kerana melibatkan gabungan tiga kumpulan parti yang besar iaitu BN, PH dan Gagasan Sejahtera. Pertama kali selepas 60 tahun, BN hanya menang 79 kerusi parlimen daripada 222 kerusi

secara keseluruhan. Keputusan tersebut merupakan prestasi yang paling buruk dalam sejarah 60 tahun pemerintahan BN. Ternyata elemen utama mempengaruhi kemenangan yang bersejarah ini ialah manifesto setiap parti. Hal ini kerana manifesto adalah dokumen penting yang digunakan untuk mencapai hasrat politik dan digunakan semasa berkempen.

Hasil daripada analisis yang dilakukan telah menemukan lima perkara penting untuk membina kesimpulan dalam makalah ini. Perkara pertama adalah berkaitan hasil analisis sorotan literatur yang mendapati bahawa kajian-kajian manifesto di peringkat negeri menunjukkan bahawa ada hubungan antara parti yang memenangi pilihan raya dengan manifesto yang dikemukakan. Selain itu, isu-isu setempat turut memainkan peranan penting dalam manifesto di peringkat negeri. Oleh itu, kajian manifesto di peringkat negeri boleh dikembangkan lagi di negeri-negeri yang *'fragile'* seperti negeri Perak yang telah bertukar kerajaan beberapa kali selepas setahun dua pilihan raya dilaksanakan pada PRU 2008 dan PRU 2018.

Kedua, analisis dalam aspek ekonomi telah ditemukan bahawa walaupun tawaran populis dikemukakan oleh manifesto BN pada PRU 2018, dengan agenda pembangunan ekonomi yang dibawa oleh Najib atau BN keputusan pilihan raya telah menyaksikan kekalahan BN. Kekalahan buat kali pertama dalam sejarah Malaysia ini turut menandakan penolakan rakyat terhadap BN. Dapatan ini membawa makna bahawa walaupun ekonomi merupakan elemen penting dalam manifesto, ternyata masih terdapat perkara-perkara lain yang dapat mempengaruhi pengundi dan perlu diberi penekanan iaitu integriti, ketelusan dan tadbir urus baik oleh kerajaan.

Ketiga, dapatan berkaitan aspek sosial menunjukkan isu-isu penting yang sering memberi kesan kepada belia iaitu isu PTPTN, peluang pekerjaan, kenaikan harga dan beberapa isu lain. Kesemua isu ini dikatakan memainkan peranan yang penting dalam PRU 2018 sehingga menjadi penyebab kepada kekalahan BN. Bukan itu sahaja, kesan ini juga berlaku kepada PH apabila mendapat kritikan yang hebat berkaitan dengan janji manifesto yang tidak dapat ditunaikan. Hal ini kerana keupayaan memenuhi manifesto dan janji pilihan raya salah satu faktor yang boleh mempengaruhi kemenangan PRK pasca PRU 2018 dan PRU 15.

Keempat, aspek politik yang berkaitan dengan isu tadbir urus baik menjadi perkara penting dan amat menonjol pada PRU 2013. Isu-isu yang berkaitan dengan integriti dan rasuah hangat dihujahkan dalam kempen-kempen pilihan raya merangkumi isu penyelewengan seperti Pusat Fidlot Kebangsaan (NFC), projek Langat 2, Lynas, projek Pengerang dan FELDA. Situasi ini semakin jelas pada PRU 2018 apabila kekalahan BN di Sabah juga dikaitkan dengan salah satu isu iaitu tadbir urus baik yang melibatkan nepotisme dan 1MDB. Bukan itu sahaja, kemenangan PH pada PRU 2018 adalah disebabkan oleh banyak faktor termasuklah liabiliti BN yang diselubungi dengan skandal 1MDB, rasuah dan salah guna kuasa. Justeru, boleh difahami bahawa elemen tadbir urus baik dalam manifesto begitu penting dan boleh mempengaruhi pengundi. Oleh itu, parti yang dapat menawarkan inti pati tadbir urus baik lebih berjaya dalam menambat hati pengundi. Namun begitu, perlu dipastikan kesemua isi manifesto bukanlah sekadar janji, tetapi perlu dilaksanakan bagi mengukuhkan keyakinan dan sokongan rakyat pada pilihan raya akan datang.

Akhir sekali, satu hal yang lebih penting ialah manifesto yang ditawarkan kepada pengundi mestilah praktikal dan boleh dilaksanakan. Setiap parti yang bertanding pada PRU 15 dapat mengambil satu pendekatan atau strategi yang lebih baik dalam menawarkan manifesto kepada pengundi pada masa akan datang. Parti politik perlu mendengar keperluan akar umbi, realistik, praktikal dan terjamin dari segi perlaksanaannya. Perkara-perkara ini perlu dititik beratkan kerana mengambil pengalaman kekalahan *Democratic Party of Japan (DPJ)* dalam pilihan raya *Lower House* pada bulan Disember 2012 yang gagal menunaikan janji dalam manifesto di samping cukai pengguna yang meningkat. Jadi perlunya manifesto yang realistik dan praktikal supaya dapat dilaksanakan.

Rujukan

- Ahmad Zahid, H. (2008). *Manifesto Barisan Nasional sebagai agenda akhbar bahasa melayu semasa tempoh kempen pilihan raya umum* (Tidak diterbitkan tesis PhD), Universiti Putra Malaysia.
- Asmadi, H., Rohayati Paidi & Baizura Hanim Halim. (2015). An analysis of the fall of the democratic party of Japan. *International Journal of East Asian Studies*, 4(1), 13-26.
- Azmah Abd. Manaf. (2013). Perkembangan politik dan kesannya ke atas pembangunan ekonomi Terengganu, antara tahun 1955 hingga 1969. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 40(1), 133-154.
- A Rahman Tang Abdullah & Pandikar Amin Haji Mulia. (2018). Isu Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan hak autonomi Sabah dan Sarawak dalam konteks sejarah dan PRU-14. *Jurnal Kinabalu Edisi Khas*, 291-317.
- Barisan Nasional. (2018). *Manifesto BN Bersama BN hebatkan negaraku*. Diakses pada 26 Jun 2018 di www.barisannasional.org.
- Berelson, B. (1952). *Content analysis in communication research*. Glencoe: Free Press.
- Dalton, R.J., Farrell, D.M. & McAllister, I. (2011). *Political parties and democratic linkage: How parties organize democracy*. Oxford: Oxford University Press.
- Daubler, T. (2012). The Preparation and Use of Election Manifestos: Learning from the Irish Case. *Irish Political Studies*, 27(1), 51-70, doi: 10.1080/07907184.2012.636183.
- Duriau, V.J., Reger R.K. & Pfarrer, M.D. (2007). A Content Analysis of the content Analysis literature in organization studies: Research themes, data sources, and methodological refinements. *Journal of Organizational Research Methods*, 10(1), 5-34.
- Eder, N., Jenny, M. & Müller, W. C. (2017). Manifesto functions: How party candidates view and use their party's central policy document. *Electoral Studies*, 45, 75-87.
- Gagasan Sejahtera. (2018). *Manifesto Malaysia sejahtera*. Diakses pada 26 Jun 2018 di <https://malaysiasejahtera.my>.
- Idris Aman. (2008). Bahasa dan Kuasa: Analisis Wacana Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-11. *Akademika*, 72, 69-96.
- Idris Aman. (2014). Manifesto pilihan raya dan prestasi parti politik utama Malaysia dalam Pilihan Raya Umum ke-13: Suatu analisis linguistik. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*, 10, 65-82.
- Imran Ho Abdullah. (2009). Transformasi statistik senarai kekerapan kata dalam kajian berdasarkan korpus: Manifesto Pilihan Raya 2008. *Jurnal Bahasa*, 9(2), 189-218.
- Ismail Ali & Mosli Tarsat (2009) Pakatan pembangkang dalam Pilihan Raya Negeri Sarawak 2006. Dlm. Nidzam Sulaiman, Zaini Othman (Ed.), *Pilihan raya dan pembangunan politik Sarawak*. Kota Kinabalu, Sabah: Universiti Malaysia Sabah
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Novel Lyndon & Sity Daud. (2015). Kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) dan persepsi pengundi terhadap dasar kerajaan: Kajian kes Dewan Undangan Negeri (N25) Kajang, Selangor. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*, 11(8), 78 – 89.
- Junaidi Awang Besar, Nur Ellyanis Mohd Basori, Mokhtar Ahmad, Mohd Nizar Sudin, Mohd Nor Hafis Ahmad Pauzan, Munauwarah Ziauddin & Ahmad Afif Zulkipli. (2020). Pilihan Raya Kecil (PRK) pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 5(19), 21-53.
- Lee Kuok Tiung, Rizal Zamani Idris & Rafiq Idris. (2018). Propaganda dan disinformasi: Politik persepsi dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) Malaysia. *Jurnal Kinabalu Edisi Khas*, 171-198.
- Klingemann, H.-D., Volkens, A., Bara, J. and Budge, I. (2006). *Mapping Policy Preferences II. Estimates for Parties, Electors and Governments in Central and Eastern Europe, European Union and OECD 1990–2003*. Oxford: Oxford University Press.
- Kolbe, R.H. & Burnett, M.S. (1991). Content analysis research: an examination of applications with directives for improving research reliability and objectivity. *Journal of Consumer Research*, 18(2), 243-250.
- Krippendorff, K. (2013). *Content analysis. An introduction to its methodology* (third ed.). California: SAGE Publication.
- McDonald, M. D., Mendes, S. M. & Budge, I. (2004). What are elections for? Conferring the median mandate. *British Journal of Political Science*, 34(1), 1–26.
- Mohamad Shaukhi Mohd Radz, Syahrudin Awang Ahmad & Nordin Sakke. (2018). Penyertaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) di Sabah: Penelitian ke atas pola pengundian, pendekatan berkempen dan persepsi masyarakat. *Jurnal Kinabalu Edisi Khas*, 437-463.
- Mohd Anwar Phato Rahman & Irwan Shafrizan Ismail. (2018, Mac 18). 20 tawaran dalam manifesto GAGASAN. *Berita Harian*. Diakses pada 27 Julai 2018 di www.bharian.com.
- Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli. (2021). General Election 14, contentious journalism, and the collapse of the National Front. *Forum Komunikasi*, 16(1), 92-123.

- Mohd. Fauzi B Fadzil and Ku Hasnita Ku Samsu. (2015). Student activism and the 13th Malaysian General Election: The second civil society wave after 1969. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.*, 23 (1), 105 – 128.
- Mohd Firdaus Abdullah & Arba'iyah Mohd Noor. (2018). Isu bekalan air domestik: Antara kejayaan dan kekalahan pada PRU14 di negeri Kedah. *Jurnal Peradaban*, 11, 115-150.
- Mohammad Agus Yusoff & Muhammad Mashril Abdul Jalil. (2018). Pengaruh aktor campur tangan halus dalam PRU-14. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 46(2), 178-195.
- Mohammad Tawfik Yaakub. (2021). The battle of three political regimes in Malaysia prior and post GE 14th: An analysis of Barisan Nasional, Pakatan Harapan & The Formation of Perikatan Nasional (PN). *International Journal of Politics, Publics Policy and Social Works*, 3(8), 29-38.
- Muhammad Ariff Asyrul Adnan & Sity Daud. (2018). Manifesto Barisan Nasional dan kejatuhan Najibomics dalam Pilihan Raya Umum Ke-14. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 45(2), 343-366.
- Muhammad Faizul Abd Hamid & Harishon Radzi. (2020). Struktur tema dalam Manifesto Pakatan Harapan Pilihan Raya Umum Ke-14. *Jurnal Linguistik*, 24(1), 109-125.
- Nasir, M. N.A., & Efendi, A. N. A. E. (2019). Disabled Malaysians and their political consciousness: A preliminary survey. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(7), 80-92.
- Noor Asyikin Abd Razak & Nor Azlin Tajuddin. (2020). Ecological modernization in Malaysia: A review of Pakatan Harapan's Manifesto during the 14th General Election within the context of ecological modernization framework. *Intellectual Discourse*, 28(1), 241–259.
- Noor Zafira Mohd Shafie & Syahrudin Hj. Awg Ahmad. (2017). Peranan media sebagai pembentuk semangat nasionalisme dalam kempen Pilihan Raya Umum (PRU) di era sebelum merdeka hingga kini. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 5, 30-38.
- Pakatan Harapan. (2018). *Manifesto PH buku harapan membina negara memenuhi harapan*. Diakses pada 26 Jun 2018 di www.pakatanharapan.com.
- Powell, G. B. Jr. (2000). *Elections as instruments of democracy*. New Haven: Yale University Press.
- Ramli Dollah, Nordin Sakke, Wan Shawaluddin Wan Hassan, Marja Azlima Omar & Adi Jafar. (2018). Peranan belia dan PRU-14 di Sabah: Kajian kes di P.188 Silam. *Jurnal Kinabalu Edisi Khas*, 319-349.
- Rohaniza Idris. (2018, Mac 08). Manifesto PH: Tak mansuh PTPTN, lanjutkan tempoh bayar. *Berita Harian*. Diakses pada 27 Julai 2018 di www.bharian.com.
- Rose, R. (1984). *Do parties make a difference?* London: Macmillan.
- Sharifah Darmia Sharif Adam. (2010). Perjuangan dan cabaran pelaksanaan Bahasa Kebangsaan di Malaysia, 1957-1966. *Jurnal Sejarah*, 18(8), 123-144.
- Sharifah Darmia Sharif Adam. (2014). Isu Bahasa Kebangsaan dalam Pilihan Raya Umum 1959, 1964 dan 1969 di Semenanjung Malaysia. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, 21, 1-34.
- Shahurinain Jais. (2016). Keberkesanan pemasaran politik di Selangor dalam PRU 2013. *E-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 11(2), 605-621.
- Shamsul Abd. Ghani & Janatul Firdaus. (2018, April 07). Pelancaran manifesto BN seperti di konsert. *Sinar Harian*. Diakses pada 27 Julai 2018 di www.sinarharian.com.
- Siti Noranizahhafizah Boyman, Nafisah Ilham Hussin, Marshelayanti Mohd Razali & Junaidi Awang Besar. (2015). Pola pengundian dan Isu-isu pada Pilihan Raya Umum Malaysia 2013. *Jurnal Perspektif*, 7(3), 96-100.
- Suresh Kumar N Vellymalay. (2019). Pilihan Raya Kecil (PRK) Cameron Highlands: Kemenangan BN atau kekalahan PH?. *E-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(5), 1-14.
- Syahrudin Awang Ahmad. (2008). Naratif sebagai strategi pembujukan dalam Manifesto Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum ke-12 tahun 2008 di Malaysia. *SOSIOHUMANIKA*, 1(2), 391-400.
- Tan Yee Shin & Mohamed Aslam. (2013). Malaysia: Members of Parliament and the budget plan. *Jurnal Jati*, 18, 43-59.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan, Nordin Sakke, Jusman Aman Setia & Diana Peters. (2018). Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) dan tumbangnya Barisan Nasional (BN) Di Parlimen Silam. *Jurnal Kinabalu*, 383-409.
- Zuhairi Abdul Hamid & Kamarul Anuar Mohd Kamar. (2012). Aspects of off-site manufacturing application towards sustainable construction in Malaysia. *Journal of Construction Innovation: Information, Process, Management*, 12(1), 4-10.